

WARTAWAN BUKAN PILIHAN TERAKHIR: MENGANGKAT MARUAH PROFESION YANG SERING DISALAHFAHAM

Saw Teck Chew

Universiti Tunku Abdul Rahman, Jalan Sungai Long, Bandar Sungai Long, 43000
Kajang, Selangor

Emel: tc_saw82@hotmail.com

Dalam masyarakat Cina, telah lama beredar sebuah gurauan yang kelihatan ringan tetapi sangat berunsur satira, iaitu: "Masa kecil tak belajar, bila dewasa jadi wartawan." Ungkapan ini kedengaran lucu, namun terselit sindiran dan prasangka, seolah-olah mengisytiharkan bahawa kerjaya kewartawanan hanya untuk mereka yang "berprestasi akademik rendah" dan "tiada masa depan". Stereotaip sebegini nampak tidak berbahaya, tetapi hakikatnya ia mencerminkan salah faham masyarakat terhadap industri berita, meremehkan kerja intelektual, serta mengabaikan rasional awam yang sepatutnya dipertahankan.

Saya seorang pensyarah dalam bidang kewartawanan dan pernah juga menjadi wartawan. Pernah suatu ketika, seorang pelajar saya datang memberitahu bahawa ketika pulang ke kampung semasa Tahun Baru Cina, saudara-mara bertanya jurusan apa yang diambilnya di universiti. Dengan bangga dia menjawab: "Saya belajar kewartawanan."

Namun, reaksi yang diterima bukan ucapan tahniah atau galakan, sebaliknya gelak ketawa dan usikan: "Belajar kewartawanan? Bukankah itu jurusan untuk mereka yang tak pandai belajar?" Malah ada yang berseloroh: "Jadi wartawan dapat apa? Sekarang pun orang tak baca berita lagi."

Kata-kata itu membuatkan dia diam berhari-hari, emosinya merudum. Dia mula ragu, apakah dia tersalah pilih haluan. Sehingga saya berbual lama dengannya, barulah dia kembali kuat. Dia mula faham, kewartawanan bukan jalan keluar terpaksa, tetapi satu bentuk tanggungjawab dan sungguh bermakna.

Situasi seumpama ini sebenarnya kerap berlaku dalam masyarakat kita. Saya sendiri juga pernah mengalaminya. Suatu hari, saya mewakili universiti ke sebuah pameran pendidikan. Seorang bapa dan anak perempuannya datang ke reruai kami. Si anak jelas berminat dengan jurusan kewartawanan; matanya bersinar-sinar membaca penerangan program. Namun si ayah menggeleng, katanya: "Kewartawanan tiada

masa depan. Wartawan kerja susah, gaji pula rendah. Anak perempuan jadi wartawan lagi bahaya. Lebih baik belajar jurusan bidang perniagaan atau perakaunan, kerja duduk dalam pejabat berhawa dingin." Usai berkata begitu, beliau menunjuk ke arah saya sambil ketawa: "Tengok pensyarah ini, dulu jadi wartawan, akhirnya balik jadi pensyarah juga. Akhirnya tak ke mana."

Si anak terus berkaca mata, hampir bertekak dengan bapanya. Saya hanya mampu menenangkan mereka perlahan-lahan: "Jadi wartawan bukan bererti tiada masa depan, dan belajar kewartawanan bukan 'langkah mengalah'. Wartawan sejati ialah mereka yang membuat masyarakat melihat kebenaran." Saya beritahu si ayah, saya meninggalkan dunian media bukan kerana kerja kewartawanan itu susah atau gajinya kecil, tetapi kerana saya mahu membawa semangat lapangan itu ke dalam kelas. Hakikatnya saya masih wartawan sambilan; setiap kali saya turun membuat liputan dan menulis, saya terasa denyut nadi saya masih sehati dengan masyarakat.

Jelas sekali, dalam era yang dikuasai utilitarianisme dan pasaran, orang ramai sering menilai nilai sebuah kerjaya melalui pendapatan dan status, sambil mengabaikan kerja-kerja yang memelihara kebenaran sosial dan keadilan wacana iaitu kerja yang sebenarnya memerlukan ilmu sedalam-dalamnya, kepala sedingin-dinginnya dan nurani setulus-tulusnya.

Dalam banyak keluarga masyarakat Cina, "laluhan ideal" yang dirancang ibu bapa untuk anak-anak biasanya ialah doktor, peguam, jurutera, akauntan, dan jika tidak, bidang profesional teknologi. Jurusan kewartawanan sering dianggap "pilihan tidak berprestij", malah ada yang menasihatkan anak-anak, "Jangan belajar kewartawanan, tiada masa depan." Dalam spektrum kerjaya, wartawan seakan-akan diletakkan pada posisi janggal: tidak seperti doktor yang menyelamatkan nyawa, tidak seperti jurutera yang mencipta produk, juga bukan ahli perniagaan yang mengaut kekayaan. Masyarakat melihat wartawan memegang pen, perakam suara, mengejar sumber berita tetapi melupakan beban rasional sosial, rakaman sejarah dan nilai moral kemanusiaan yang dipikul oleh sebatang pen itu.

Sebenarnya, wartawan disalahfaham bukan kerana mereka tidak penting, tetapi kerana mereka terlalu penting, penting sehingga mereka mesti berdialog dengan kuasa, mendekati kebenaran dan menyingkap sisi gelap masyarakat. Wartawan sejati bukan "siapa pun boleh jadi", sebaliknya memerlukan gabungan ilmu, tilikan, pertimbangan dan keberanian. Wartawan bukan sekadar penyampai maklumat; mereka penjaga kebenaran sosial. Tanpa wartawan, kuasa tidak akan diawasi, masyarakat kehilangan cermin untuk bercermin diri, dan rakyat kehilangan hak untuk mengetahui.

Nilai berita bukan pada hiburan tetapi pada pencerahan. Kekuatan berita bukan pada hiruk-pikuk tetapi pada pendedahan. Jika kita memandangi wartawan dengan sinis atau menyindir hakikatnya itu sama seperti memandangi remeh terhadap kebenaran.

Pada era 1950-an hingga 1970-an di Tanah Melayu dan Malaysia, wartawan pernah menjadi perintis pemikiran sosial. Ketika itu, kebanyakan wartawan datang daripada kalangan sasterawan; mereka menggunakan kata-kata sebagai senjata, akhbar sebagai medan, memperjuangkan kemerdekaan, pembaharuan pendidikan, dasar bahasa dan keadilan sosial. Ramai tokoh persuratkhabaran ketika itu juga reformis masyarakat; mereka menggunakan akhbar untuk memajukan masyarakat dan pencerahan sosial. Pada zaman itu, wartawan bukan bintang hiburan, tetapi cendekiawan.

Para wartawan merantau ke serata tempat, melaporkan nasib buruh dan kehidupan golongan miskin; karya-karya ini memperlihatkan ketinggian moral dan tanggungjawab sosial kewartawanan. Generasi itu mungkin tidak kaya, tetapi disanjung; mereka tidak berkuasa tetapi berpengaruh terhadap kuasa. Pena wartawan, pada satu ketika mampu mengubah haluan masyarakat.

Namun zaman berubah. Kebangkitan internet dan media sosial menjadikan "setiap orang ialah wartawan" seolah-olah satu realiti. Memadai dengan sebuah telefon pintar dan akaun media sosial, sesiapa pun boleh "menyiarkan berita". Apabila ambang penyebaran berita direndahkan, orang awam pun menyangka ambang profesional kewartawanan turut menjadi rendah. Wartawan mula disamakan dengan "gosip", "tajuk sensasi" atau "editor kecil alam maya", seolah-olah laporan berita hanya kerja "salin dan tampal". Padahal wartawan sejati bukan sahaja perlu mahir menulis malah mahir menyemak, menilai dan berfikir. Tugas wartawan ialah mengurai kusut maklumat, menimbang sah dan palsu, serta kekal jernih di hadapan kuasa.

Ekologi trafik dalam talian mengangkat "pantas" mengatasi "mendalam" dan "kehangatan" mengatasi "kebenaran". Banyak organisasi media, demi kelangsungan, terpaksa akur kepada algoritma dan klik. Lalu kita melihat tajuk sensasi, laporan bercebis-cebis, serta pendirian mendahului fakta berleluasa. Orang ramai mula meragui media malah tidak lagi mempercayai berita. Apabila kepercayaan luntur, profesion kewartawanan turut terdevaluasi. Masyarakat kian lupa bahawa wartawan bukan "pencipta berita", tetapi "pencari kebenaran". Inilah tragedi industri berita dan pada masa yang sama tanda kemerosotan rasional awam.

Sebenarnya, ambang kewartawanan tidak pernah rendah. Seorang wartawan yang matang bukan sahaja memerlukan penguasaan bahasa dan penulisan yang kukuh, malah perlu memiliki ilmu rentas disiplin. Wartawan politik mesti memahami undang-undang dan dasar; wartawan ekonomi perlu mampu membaca penyata kewangan dan bajet; wartawan sosial perlu mengerti akar struktur kemiskinan, pendidikan, psikologi dan kelas; wartawan teknologi perlu mendalami logik AI dan rangkaian blok; wartawan antarabangsa mesti peka terhadap wacana diplomatik, sejarah serantau dan undang-undang antarabangsa. Seorang wartawan berpengalaman lazimnya memiliki keluasan ilmu melebihi ramai profesional lain kerana dia mesti memahami isu kompleks dalam masa yang singkat, lalu menjelaskannya dengan bahasa yang jernih agar khalayak

awam faham. Inilah kebolehan “menerjemah ilmu” iaitu jambatan antara dunia profesional dan ruang publik.

Sebagai contoh, apabila melaporkan kebakaran asrama pekerja migran, wartawan tidak boleh hanya menulis “berapa orang terkorban”. Dia perlu terus bertanya: mengapa keadaan asrama begitu daif? Adakah pemilik melanggar peraturan? Adakah pengawasan kerajaan memadai? Adakah pekerja migran diabaikan kerana bahasa dan kedudukan mereka? Rangkaian soalan inilah yang menzahirkan nilai profesion kewartawanan membolehkan masyarakat melihat struktur di sebalik kejadian, bergerak dari permukaan menuju kebenaran. Wartawan sebegini bukan sekadar “pandai menulis”, tetapi memiliki pemikiran sistematik dan keupayaan analisis sosial.

Demikian juga semasa pandemik COVID-19, wartawan yang baik bukan sekadar “memetik data Kementerian Kesihatan Malaysia” tetapi turun ke lapangan, menyiasat titik buta pelaksanaan dasar kesihatan. Mereka mewawancara nasib pekerja migran tanpa dokumen, merakam suara pembersih awam di barisan hadapan, mendedahkan kesusahan keluarga berpendapatan rendah. Laporan-laporan ini bukan sekadar berita; ia lanjutan keadilan sosial. Kehadiran wartawan mengingatkan kerajaan: dasar bukan angka semata-mata, di belakang setiap statistik ada degup kehidupan.

Kerja wartawan juga menuntut pertimbangan dan etika pada tahap yang sangat tinggi. Melapor berita bukan sekadar “siapa kata apa”, tetapi menilai “siapa yang wajar dipercayai” dan “kepentingan apa yang tersembunyi di sebalik kata-kata itu”. Wartawan profesional mesti sentiasa bertanya pada diri: adakah yang saya tulis adil? Adakah ia melukakan orang lain? Adakah gambaran saya menyeluruh? Setiap keputusan editorial ialah ujian etika.

Saya pernah mengenali seorang wartawan yang merupakan bekas pelajar saya yang ketika melaporkan kes bunuh diri di sekolah, berdepan seorang ibu yang berduka. Dia memilih untuk tidak merakam jarak dekat, tidak mendedahkan nama, dan sekadar menulis dengan sentuhan puitis tentang sepucuk surat yang belum dibuka di tangan si ibu. Kekangan diri seperti ini ialah manifestasi etika kewartawanan. Berita bukan cuma susunan fakta; ia juga cara memanusikan fakta agar difahami dengan berhemah. Namun, dalam era “berita segera” media sosial, etika sebegini kerap diketepikan. Ada “wartawan selebriti” demi klik sanggup mengintip, memutarbelit dan memetik di luar konteks. Akibatnya khalayak semakin benci kepada “wartawan”. Maka muncullah lagi kata-kata sinis “hanya yang tak pandai belajar jadi wartawan” sebagai bahan ketawa. Mereka tidak mengerti bahawa wartawan sejati berani menulis justeru kerana mereka lebih sedar akan beratnya amanah.

Untuk memahami akar prasangka ini, kita perlu kembali kepada budaya pendidikan kita. Masyarakat Cina sekian lama memuja “markah” dan menganut pendidikan berorientasikan guna. Ibu bapa berharap anak memilih bidang “berfaedah” iaitu

perubatan, kejuruteraan, perniagaan. Kewartawanan, seni, dan kemanusiaan sering dianggap "membazir masa". Apabila anak berkata "saya mahu belajar kewartawanan", reaksi pertama yang lazim ialah: "Nanti kerja apa? Boleh cari makan?" Yang diberi nilai ialah kestabilan gaji, bukan nilai rohani dan sumbangan publik.

Padahal nilai pendidikan kewartawanan terletak pada pemupukan daya fikir dan rasional awam. Di bilik kuliah, pelajar belajar teknik temu bual, semakan fakta, pertimbangan etika, analisis wacana, data kewartawanan dan naratif multimedia. Kesemuanya melatih mereka berfikir, mempersoal dan berkomunikasi. Pendidikan kewartawanan bukan untuk melahirkan "selebrti", tetapi warga yang berakal, berhati dan berani.

Etos wartawan sebenarnya batu ujian bagi sebuah demokrasi. Soalan wartawan ialah cerminan nurani masyarakat. Jika sebuah masyarakat tidak lagi membenarkan "pertanyaan", kebenaran akan lenyap.

Perkembangan teknologi turut membawa cabaran baharu. Kecerdasan buatan mampu menjana teks berita, algoritma boleh meramal aliran opini, namun AI tidak memahami "manusia". Ia boleh memberitahu "apa yang berlaku", tetapi tidak boleh menjelaskan "mengapa ia penting". Roh berita ialah kemanusiaan; wartawan berdepan bukan sekadar fakta, tetapi emosi, derita dan harapan.

Ketika gempa bumi dan tsunami 3.11 di Jepun, seorang wartawan yang membuat liputan di celah runtutan tidak mampu menahan sebak. Dia tidak menyembunyikannya, air mata dibiarkan mengalir. Saat itu, dunia tidak melihat kelemahan, tetapi kemanusiaan. Mesin mungkin meniru gaya bahasa, tetapi tidak mungkin meniru rasa tanggungjawab itu.

Kewujudan wartawan membuatkan masyarakat tidak lupa bersimpati, tidak lupa merenung, tidak lupa mengingati. Setiap kisah yang dirakam ialah serpihan peradaban manusia.

Apabila kita berkata "hanya yang tak pandai belajar jadi wartawan", itu sebenarnya sindiran terhadap diri sendiri. Kerana yang benar-benar "tidak pandai belajar" ialah mereka yang hanya tahu menduduki peperiksaan tetapi tidak tahu berfikir. Wartawan belajar setiap hari, wartawan belajar tentang masyarakat, kuasa, hati manusia dan sejarah. Mereka menjadikan pena sebagai mata, kata-kata sebagai pedang, dan melalui laporan, mereka membuatkan masyarakat melihat dirinya sendiri.

Kita biasa memuji doktor "menyelamatkan nyawa", memuji peguam "membela keadilan", memuji jurutera "mencipta benda", tetapi kita sering lupa bahawa wartawan ialah "penjaga ingatan", "suar cahaya rasional" dan "saksi nurani". Tanpa wartawan, sejarah kehilangan saksi; tanpa berita, kebebasan kehilangan suara.

Di Malaysia, ramai wartawan meskipun bergaji kecil tetap teguh di medan. Mereka menunggu jawapan menteri di bawah panas terik, menulis pada larut malam, bergegas ke tapak mogok pada waktu fajar. Mereka tidak mengejar nama, tidak menuntut laba; mereka hanya mengharap satu kalimat iaitu "biarkan kebenaran terlihat". Etos seperti ini mustahil lahir daripada "mereka yang tak pandai belajar".

Industri berita mungkin tidak membawa kekayaan, tetapi ia menganugerahkan kepada masyarakat kepala yang jernih. Wartawan bukan pinggiran, malah nadi rasional masyarakat. Saat masyarakat memperolokkan "wartawan tiada masa depan", hakikatnya masyarakat itu sedang menyatakan dirinya tidak layak untuk kebenaran. Apabila berita dipandang ringan, keupayaan berfikir masyarakat turut tumpul.

Berita wujud bukan untuk menyedapkan hati, tetapi untuk menyedarkan. Nilai wartawan bukan pada hiburan, tetapi pada keupayaan menyekat manusia daripada kembali membisu.

Dalam zaman yang kabur antara benar dan palsu serta dikuasai emosi ini, kita lebih memerlukan mereka yang masih menjaga cahaya dengan pena. Barangkali mereka tidak tersohor, barangkali mereka sering disalaherti, namun merekalah yang memastikan kebenaran masih bersuara dan harapan masih hidup.

"Hanya 'tak pandai belajar' yang jadi wartawan", ungkapan ini wajar dipadam oleh zaman. Yang benar-benar pandai belajarliah yang berani menjadi wartawan. Kerana wartawan bukan sekadar penulis berita. Mereka ialah insan yang membuatkan kita melihat dunia.

Pernah menjadi wartawan adalah pengalaman yang saya hargai hingga kini. Meskipun sekarang saya bertugas sebagai pensyarah dalam bidang kewartawanan, semangat kewartawanan itu tidak pernah padam, saya masih melaporkan berita apabila masa mengizinkan.